

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 8 TAHUN 2019**

Tarikh : 29 Ogos 2019 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.45 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 8/2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Ogos 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Puan Yang Dipertua memaklumkan tentang program *waste-wise cities*. *Waste-Wise Cities* merupakan satu pendekatan yang diperkenalkan oleh UN-Habitat untuk pengurusan sisa perbandaran yang lebih tersusun dan berkesan. Terdapat 12 prinsip *Waste-Wise* seperti yang berikut :

BIL	PRINSIP
1.	Menilai jumlah dan jenis sisa yang dihasilkan

2.	Menambahbaik kutipan dan penghantaran sisa
3.	Memastikan sisa dilupus dengan betul dan selamat
4.	Promosi pendekatan 5R – <i>rethink, reduce, reuse, recycle, refuse</i>
5.	Bekerjasama dengan pihak badan bukan kerajaan, swasta dan persatuan penduduk
6.	Memastikan keselamatan dan keselesaan pekerja yang terlibat dalam pengurusan sisa
7.	Mengkaji dan melaksana inovasi teknologi bagi mengurangkan sisa
8.	Perancangan jangka panjang pengurusan sisa perbandaran
9.	Kaedah baru dalam memberi insentif pengurangan sisa dan peralihan ke <i>circular economy</i>
10.	Menggalakkan ‘fikirkan semula sisa/sampah’ melalui program kesedaran untuk mengubah sikap masyarakat
11.	Penilaian berkala pengurusan sisa di kawasan perbandaran
12.	Usaha mencapai SDG dan NUA

MPSJ telah menyatakan komitmen dalam pelaksanaan *waste-wise cities* bermula 1 Mac 2019. Antara perkara yang telah diusahakan ialah meningkatkan lagi usaha kitar semula di kalangan penduduk dengan pelbagai aspek dan kaedah. Kadar kitar semula pada

tahun 2006 adalah hanya 1.22% sahaja, namun peratusan ini telah meningkat kepada 16% sehingga pertengahan tahun 2019.

MPSJ telah menerima peruntukan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan sebanyak 6 buah kontena kitar semula telah ditempatkan di 6 lokasi seperti berikut:

1. USJ Heights
2. Taman Sungai Besi Indah
3. Bandar Kinrara 4
4. Taman Sri Puchong
5. PJS 7
6. Taman Puchong Utama

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Bil 7/2019 telah meluluskan cadangan penempatan 15 lagi kontena kitar semula oleh pihak swasta iaitu Tetrapak-KPT. Kontena ini akan diuruskan secara *'drop off'* sahaja dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) akan diberi insentif pada hujung tahun selepas pengiraan hasil diperolehi. Lokasi kontena ini akan diperincikan dalam masa terdekat tetapi keutamaan adalah kepada komuniti yang berpotensi dan pro-aktif sahaja.

- v) MPSJ sedang menyediakan draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (DRTSJ2035) bagi menggantikan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 yang akan tamat tempoh pada tahun hadapan.

Program Publisiti dan Penyertaan Awam DRTSJ2035 telah diadakan selama lapan (8) minggu, termasuk lanjutan tempoh publisiti mulai 15 Oktober 2018 sehingga 12 Disember 2018. MPSJ telah menerima sejumlah 5,008 borang bantahan / cadangan daripada penduduk dan pihak yang berkepentingan.

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) DRTSJ2035 telah diadakan bagi mendengar permohonan dan bantahan penduduk dan pihak berkepentingan, yang dipengerusikan oleh :

- a. YB. Puan Haniza Binti Talha, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar untuk Mesyuarat JKSTP pertama, kedua dan ketiga;
- b. YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru untuk Mesyuarat JKSTP keempat hingga ketujuh; dan
- c. YB. Tuan Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani untuk Mesyuarat JKSTP kelapan.

Mesyuarat JKSTP yang berlangsung selama lapan (8) hari ini telah mendengar dan membuat pertimbangan ke atas 106 permohonan dan juga 76 bantahan oleh penduduk dan pihak yang

berkepentingan. Semasa mesyuarat ini, terdapat 4 permohonan dan 1 bantahan telah ditarik balik.

MPSJ akan membentangkan kertas kerja bagi tujuan pertimbangan dan perakuan Majlis terhadap DRTSJ2035 dan Laporan Syor Mesyuarat JKSTP DRTSJ2035. Draf ini mengandungi empat (4) jilid iaitu

- a. Jilid 1 – Pernyataan Bertulis Dan Peta Cadangan
- b. Jilid 2 – Strategi dan Tindakan Pembangunan
- c. Jilid 3 – Kawalan Pembangunan
- d. Jilid 4 – Garispanduan Pembangunan

DRTSJ2035 ini juga diberikan pembaharuan berbanding Rancangan Tempatan terdahulu, antaranya seperti berikut :

- a. Pelaporan yang lebih mesra pembaca dengan penggunaan grafik, rajah dan gambar.
- b. Pembangunan berasaskan Transit Oriented Development (TOD) bagi pembangunan komersial di sekitar stesen pengangkutan awam terpilih.
- c. Penukaran piawaian perancangan Densiti (kepadatan) kepada pemakaian Nisbah Plot bagi pembangunan perumahan yang bersesuaian.

MPSJ seterusnya akan mengangkat DRTSJ2035 ini ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPN) bagi tujuan kelulusan dan pewartaan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

MPSJ akan memohon kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi semua Jilid Draf Rancangan Tempatan, tetapi hanyaewartakan Jilid 3 : Kawalan Pembangunan sahaja. Lain-lain Jilid (Jilid 1,2 dan 4) sekiranya terdapat pengubahan hanya perlu mendapatkan kelulusan Majlis, JPN dan Pihak Berkuasa Negeri sahaja, serta tidak perlu diwartakan.

Jilid 3 – Kawalan Pembangunan, DRTSJ2035 ini perlu diwartakan kerana jilid ini mengandungi pelan zon gunatanah keseluruhan, pelan zon gunatanah mengikut Blok Perancangan beserta Jadual Kelas Kegunaan Tanah. Jilid ini juga mengandungi cadangan pembangunan berasaskan Transit Oriented Development (TOD) bagi pembangunan komersial di sekitar stesen pengangkutan awam terpilih serta cadangan pemakaian Nisbah Plot bagi pembangunan perumahan yang bersesuaian.

- vi) Puan Yang Dipertua turut memaklumkan berkaitan program-program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan September 2019 seperti yang berikut :
 - a) Program Semarak Seni Budaya MPSJ 2019 akan diadakan pada 7 dan 8 September 2019 (Sabtu dan Ahad), jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang, bertempat di *West Boulevard One City USJ*.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti Pertandingan Muzik Kitar Semula (Terbuka), Pertandingan Kebudayaan Warisan Sekolah Sejahtera, Pertandingan Teater Muzikal Aspirasi Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan (Terbuka), Persembahan Tarian Klasik India, Persembahan Tarian Tradisional JKKN, PADAT dan Jabatan Warisan Negara, Pameran PADAT, JKKN, KTMB Tourism, MATTA, Tourism Selangor dan Malaysia, Booth Pameran/Promosi Agen Pelancongan, Persembahan Tarian Sewang dan Demo Menyempit, Booth Jualan (kerjasama dengan Bazar Kraf Upen), Mini Usahawan Muda PeBT dan Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2020 Peringkat Negeri Selangor.

- b) Majlis perasmian dan lawatan laman kejiranan Pangsapuri Bandar Bukit Puchong akan diadakan pada 7 September 2019 (Sabtu), jam 3.00 petang bertempat di Pangsapuri Bandar Bukit Puchong, Puchong.

Dalam inisiatif untuk meningkatkan kualiti perumahan kos rendah di Bandar, MPSJ memegang wawasan perancangan inklusif keterlibatan dan pemberdayaan komuniti dalam membina ruang kejiranan setempat sebagai satu pendekatan yang sendiri dan mampan. MPSJ menggunakan konsep yang berbeza daripada perancangan biasa iaitu dengan menggunakan konsep penglibatan komuniti dalam membina ruang kejiranan mereka.

Projek Ruang Kejiranan Rumah Pangsa Bukit Puchong dilihat merupakan satu model pembangunan setempat yang mengangkat kuasa komuniti dengan sokongan pihak berkuasa, akademik dan korporat. Projek perintis ini boleh dipamerkan sebagai model mampan yang dijana oleh kuasa komuniti untuk meningkatkan kualiti perumahan kos rendah bukan sahaja di MPSJ, malah di Selangor dan di seluruh Negara.

Majlis ini akan dirasmikan oleh YB Puan Haniza binti Mohamed Talha, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar.

Peserta lawatan pula terdiri daripada 10 orang wakil penduduk bagi setiap 21 Pangsapuri Angkat di setiap Zon JKP. Objektif lawatan adalah untuk :

- Memberi ilmu dan kemahiran bagaimana pembangunan setempat yang mengangkat kuasa komuniti dengan sokongan pihak berkuasa (MPSJ) dan akademik (ISI UTM)
- Mempelajari bagaimana membangunkan model projek mampan yang dijana oleh kuasa komuniti untuk meningkatkan kualiti kejiranan kos rendah
- Memberi idea atau pengalaman baharu kepada peserta lawatan yang terdiri dari wakil penduduk pangsapuri kos

rendah menerusi kaedah projek rintis yang menjadi model contoh dan *catalyst* kepada komuniti

- c) Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2019 akan diadakan pada 14 September 2019 (Sabtu), jam 8.00 Pagi sehingga 12.00 Tengahari bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ USJ 7, Subang Jaya.

Sumbangan akan diberikan kepada anak-anak yatim, ibu tunggal, golongan kurang berkemampuan dan orang kurang upaya (OKU). Penerima sumbangan akan menerima wang tunai sebanyak RM 200.00 meliputi 15 orang penerima bagi setiap 24 JKP MPSJ.

Majlis ini diadakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan selaras dengan konsep kemasyarakatan setempat serta mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada terjalin di antara MPSJ, JKP dan penduduk.

Booth Eco Free Market juga akan diadakan di perkarangan luar Dewan bagi memberi sumbangan kepada mereka yang kurang berkemampuan. Keperluan barangan adalah berbentuk pakaian dan keperluan-keperluan lain.

- d) MPSJ akan melaksanakan program sempena Sambutan Kemerdekaan 2019 pada 15 September 2019 (Ahad), masa 8.00 Pagi sehingga 12.00 Tengahari bertempat di Arena MPSJ, USJ 5, Subang Jaya.

Pelbagai aktiviti yang menarik akan diadakan seperti Kayuhan Untuk Autisme “Ride for Autism”, Acara warga Emas ‘MPSJ Fun Merdeka Walk’, Pertandingan Sepakan Penalti Bawah 12 tahun, Senamrobik Merdeka dan Cabutan Bertuah.

- e) MPSJ akan mengadakan Program Dialog Bajet MPSJ pada 21 September 2019 (Sabtu) bertempat di Dewan Kompleks 3K, Seri Kembangan dan 22 September 2019 (Ahad) bertempat di Dwan Serbaguna MPSJ USJ 7, masa 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Objektif dialog ini adalah bagi merangka peruntukan yang diberikan dengan mengambilkira pandangan semua pihak supaya digunakan mengikut keutamaan seperti kawalan bandar serta persekitaran fizikal dan sosial. Ia juga adalah bagi mengenalpasti program atau keperluan penduduk supaya matlamat pembangunan bandar mampan yang lebih selamat dan inklusif dapat dicapai untuk dihuni oleh penduduk.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07/2019 yang telah diadakan pada 24 Julai 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2019

Perkara-perkara berbangkit adalah seperti yang berikut:

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
4.1	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa MPSJ Bil. 7/2019 bertarikh 9 Julai 2019 - Tasik Seri Aman	Beliau memohon agar pihak MPSJ melaksanakan program kerjasama dengan pihak LUAS bagi menguji tahap PH air di tasik tersebut supaya selamat untuk menjalankan program rekreasi di tasik. Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta supaya tindakan susulan dibuat bersama agensi berkaitan bagi melihat dan

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>menguji tahap pencemaran dan tahap PH air di tasik tersebut untuk melaksanakan aktiviti rekreasi di kawasan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Landskap</p>
4.2	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	<p>Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan MPSJ bil. 11/2019 bertarikh 10 Julai 2019 – Pemaju OWL Development Sdn.Bhd.</p>	<p>Beliau meminta agar MPSJ mengeluarkan satu dasar bagi pembangunan yang berskala besar, taklimat perlu diberikan kepada penduduk terlebih dahulu.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya dijadikan satu dasar bagi pembangunan berskala besar, taklimat oleh pihak pemaju perlu dibuat kepada penduduk atau wakil penduduk kerana pemajuan ini akan memberi impak jangka panjang kepada</p>

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>penduduk sekitar.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan OSC</p>
4.3	Encik Yap Kok Weng	<p>Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ bil.7/2019 bertarikh 17 Julai 2019 – Garis panduan pemasangan <i>exhaust fan</i></p>	<p>Beliau meminta agar draf garis panduan ini boleh dibincangkan bersama dan dijadikan satu dasar.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa cadangan garis panduan ini telah boleh dilaksanakan secara dasarnya. Seterusnya jabatan diminta untuk membentangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa yang bersesuaian seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan, Mesyuarat Jawatankuasa Infrastuktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam ataupun di dalam Mesyuarat</p>

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Pre - Council Aji Majlis MPSJ.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
4.4	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	<p>Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ bil. 7/2019 bertarikh 17 Julai 2019 – Cadangan menaikkan kadar sewa di Medan Selera Milik MPSJ</p>	<p>Beliau tidak bersetuju dengan kadar baharu iaitu RM 350.00 dan mencadangkan kenaikan kadar sewa sebanyak RM50.00 sahaja. Beliau meminta agar dilaksanakan undi bagi menentukan kadar sewa baharu.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa syor baharu yang bertentangan dengan keputusan dalam minit Jawatankuasa perlu dilaksanakan undian melibatkan ahli mesyuarat. Undian yang telah dijalankan menunjukkan keputusan ahli</p>

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>mesyuarat adalah majoriti mengekalkan keputusan asal iaitu kenaikan kadar sewa sebanyak RM350.00.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.12/2019 Bertarikh 26 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 4	Encik Mohan Singh a/l	Permohonan Kebenaran Merancang -	Beliau inginkan penjelasan terhadap perkara berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Surtar Singh	Kertas kerja bil : 161/10/47/2019 (OWL Development Sdn. Bhd.)	<p>i) Permohonan terhadap projek ini adalah kerap namun kenapa beliau selaku Ahli Majlis kawasan tidak dipanggil menyertai mesyuarat?</p> <p>ii) Kenapa laluan masuk menggunakan jalan dalam dan tidak menggunakan jalan lebuhraya.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa :</p> <p>i) MPSJ telah melantik konsultan bagi melaksanakan kajian TIA dan kajian tersebut sedang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dijalankan. Ahli Majlis kawasan akaan dipanggil apabila pembentangan hasil kajian TIA dilaksanakan.</p> <p>ii) Akses daripada lebuhraya adalah di bawah bidang kuasa pihak Lembaga Lebuhraya. Lembaga Lebuhraya hanya membenarkan akses laluan kepada stesen minyak sahaja dan tiada kebenaran untuk pemajuan.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC / Jabatan Kejuruteraan</p>

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang
Jaya Bil.13/2019 Bertarikh 7 Ogos 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang
Jaya Bil.14/2019 Bertarikh 21 Ogos 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis
Perbandaran Subang Jaya Bil.08/2019 Bertarikh 8 Ogos 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Liga Bola Keranjang Komuniti Hoop Hood (Hoop Hood League 2019) oleh Orpheus Events Sdn. Bhd.	<p>Beliau difahamkan bahawa gelanggang bola keranjang di Puchong Jaya adalah di Taman Tasik Wawasan. Beliau memaklumkan bahawa Taman Tasik Wawasan adalah di kawasan Pusat Bandar Puchong dan bukannya di dalam kawasan Puchong Jaya. Terdapat gelanggang bola keranjang di Puchong Jaya iaitu di Jalan Belatuk, Puchong Jaya. Beliau memohon agar gelanggang di Jalan Belatuk dimasukkan dalam senarai.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta Jabatan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Pembangunan Masyarakat membuat semakan dengan pihak penganjur berkenaan permohonan ini. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2019 Bertarikh 13 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2019 Bertarikh 14 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2019 bertarikh 14 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Pembelian rumah rehat di Chogm Villa, Langkawi	<p>Beliau ingin penjelasan berkenaan pembelian rumah rehat di Chogm Villa, Langkawi.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Penyediaan bajet Tahun 2020.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 5.5 & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Permohonan penyewaan dan pengurusan	<p>Beliau mengesyorkan perkara berikut :</p> <p>i) Bayaran sewa kedai</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Sembilan (9) unit gerai di Medan Selera Jalan Serindit 1A, Bandar Puchong Jaya, Puchong Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>sayur-sayuran Kek Tak Theng dinaikkan dari RM1,650.00 kepada RM 2,500.00 berdasarkan persetujuan bersama semasa temuduga dijalankan.</p> <p>ii) Sumbangan pembaikan tempat letak kereta sebanyak RM 12,000.00 dibahagikan sama rata kepada pemohon iaitu sebanyak RM 6,000.00 kepada kedai sayur-sayuran Kek Tak Theng dan RM 6,000.00 kepada BV Rizqi Enterprise.</p> <p>iii) Kedai sayur-sayuran Kek Tak Theng</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memohon untuk diberikan kebenaran untuk menjalankan perniagaan di tapak dengan kadar segera sebelum perjanjian ditandatangani. Bayaran sewa akan dikenakan mengikut tarikh perniagaan dimulakan.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa syor baharu yang tidak diputuskan dalam minit Jawatankuasa perlu dilaksanakan undian melibatkan ahli mesyuarat. Undian yang telah dijalankan menunjukkan kesemua</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>ahli mesyuarat bersetuju dengan syor tersebut. Mesyuarat memutuskan ketiga-tiga syor yang diusulkan diterima sebulat suara.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta / Jabatan Kejuruteraan</p>

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2019 bertarikh 15 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Isu banjir di kawasan pentadbiran MPSJ	Beliau mencadangkan supaya diadakan mesyuarat khas berkaitan isu banjir yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>berlaku di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa mesyuarat khas akan dilaksanakan dan perkara berkaitan isu banjir akan dibincangkan dengan lebih lanjut bagi mencari penyelesaian.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2019 bertarikh 15 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 4.3 & m/s 11	Encik Yap Kok Weng Dan Puan Lee Jen Uyin	Masalah <i>piping</i> pendingin hawa di lorong belakang kawasan Taipan.	<p>Beliau mencadangkan agar MPSJ mewujudkan satu <i>vertical drain</i> bagi menyelesaikan isu <i>piping</i> pendingin hawa di lorong belakang kawasan Taipan.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta Jabatan Bangunan mengkaji cadangan tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
3.	-		Pembuangan sampah haram	Beliau memaklumkan bahawa Dun Kinrara merupakan kawasan terbanyak berkaitan isu pembuangan sampah haram yang terbanyak di MPSJ. Beliau mencadangkan MPSJ

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mencari kaedah dan penyelesaian yang berkesan bagi mengatasi masalah ini.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta diadakan satu mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Perbandaran bagi mengkaji kaedah yang berkesan terhadap penyelesaian isu pembuangan sampah haram.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2019 bertarikh 19 Ogos 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

6.1 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI TUJUAN PERAKUAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN SUBANG JAYA 2035 (DRTSJ2035) DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN DRTSJ2035 UNTUK DIANGKAT KE MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TUJUAN KELULUSAN DAN PEWARTAANNYA OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancang Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan kertas pertimbangan ini dengan alasan memberi ruang dan peluang kepada Ahli Majlis bagi membuat semakan ke

atas DRTSJ2035 dan laporan keputusan mesyuarat JKSTP DRTSJ2035.

Mesyuarat juga memutuskan perkara-perkara seperti berikut :

1. Satu taklimat khas kepada semua Ahli Majlis perlu dibuat sebelum Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya bulan September 2019.
2. Pihak majlis diminta menetapkan syarat-syarat teknikal yang perlu dikenakan dalam Garis Panduan *Transit Oriented Development* (TOD), seperti berikut:
 - i. Kajian Penilaian Kesan Lalulintas (TIA)
 - ii. Kajian Penilaian Kesan Sosial (SIA)
 - iii. Sumbangan untuk membina dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam.
 - iv. Menyediakan senarai semak terperinci permohonan Kebenaran Merancang di kawasan TOD.
3. Meletakkan syarat tertakluk kepada had ketinggian yang dibenarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dalam Garis Panduan TOD.
4. Meminda semua warna zon guna tanah tadika swasta kepada merah bergaris sempadan biru.
5. Kajian Rancangan Kawasan Khas akan dibuat di Kampung Baru Seri Kembangan bagi tujuan memperincikan cadangan serta mencadangkan pembangunan semula di kawasan ini.

6. Cadangan pembinaan jambatan Bandar Puchong Jaya – USJ1 dikekalkan bagi keperluan masa hadapan.
7. Tapak tempat letak kereta persendirian (Lot 30482) di USJ4 dikekalkan sebagai zon guna tanah pengangkutan (tempat letak kereta persendirian).
8. Semakan dan suntingan ke atas pernyataan bertulis dan pelan-pelan dalam DRTSJ2035 perlu dibuat dan diperbetulkan.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari.

Tarikh Disediakan : 29 Ogos 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 11. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 12. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 13. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 14. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 17. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 18. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |
| 19. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 20. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 21. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 22. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 23. | Encik Koh Eng Kee | - | " |
| 24. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S -
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

8. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

10. Puan Hjh Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

11. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan

12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan

13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC

15. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan

16. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

17. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik

18. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

19. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam

20. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

21. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar

22. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Juru Ukur Bahan, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

TURUT HADIR (JEMPUTAN KHAS)

1. Encik Simon Kong
Pusat Khidmat Dun Kota Kemuning

2. Encik Ramu
Pusat Khidmat Dun Kota Kemuning

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | Ahli Majlis |
| 2. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim | - | ” |
| 3. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | ” |

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan